

04/02/2001

Umno tiada kaitan dengan perhimpunan

Azran Jaffar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno tidak ada kaitan dengan perhimpunan "Tak kan Melayu hilang di dunia" yang diadakan di Kuala Lumpur, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, walaupun diketahui ada dua atau tiga ahli Umno yang terbabit sebagai penganjur, Umno tiada kena mengena dengan perhimpunan itu.

"Kita tak bagi orang Umno ambil bahagian, tapi ada juga orang Umno ambil bahagian, itu kita tak boleh buat apa," katanya ketika diminta mengulas mengenai perhimpunan itu.

Perhimpunan itu yang dijangka disertai kira-kira 10,000 orang sebelum ini dirancang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru ditukar ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai jam 2 petang kerana tidak mendapat permit polis.

Ia dijangka dihadiri aktivis, cendekiawan Melayu, bekas pemimpin pelajar, tokoh pejuang dan pemimpin veteran dan diadakan bagi membangkitkan semangat patriotik terhadap negara.

Khamis lalu, Pengerusi Sekretariat Barisan Bertindak Melayu (BBM), Datuk Mazlan Harun juga menegaskan perhimpunan itu tidak ada kena mengena dengan kepentingan mana-mana parti politik.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali sebelum itu menghadiri majlis jamuan perkahwinan Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Korporat Mampu, Jabatan Perdana Menteri, Valluvan Veloo, 31, dengan pasangannya Thilagavani Selavaraj, 26, seorang pensyarah di Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan, Shah Alam, di Dewan Serbaguna Presint 8 di sini, semalam.

Ketika ditanya mengenai pandangan beberapa pihak bahawa perhimpunan itu tidak sesuai, Dr Mahathir berkata, itu pandangan mereka.

Dr Mahathir berkata, beliau juga mendengar berita ada pihak yang ingin turut membuat demonstrasi pada perhimpunan itu bagi tujuan membuat kacau.

"Saya dengar orang lain hendak buat demonstrasi juga, nak kacau yang ini (perhimpunan BBM), betul tak betul saya tak tahulah," katanya.

Katanya, kumpulan berkenaan bercadang menyertai perhimpunan itu sekiranya diadakan secara terbuka dan kemudian menimbulkan kekacauan.

"Ada orang, kalau buat terbuka macam itu, mereka hendak masuk buat kacau, nak keluar sepanduk dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kumpulan berkenaan yang sering mengadakan demonstrasi tidak mahu pihak lain demonstrasi mengenai perkara yang mereka tidak persetujui.

Katanya, polis tidak mengeluarkan permit untuk perhimpunan itu yang pada mulanya dijadualkan diadakan secara terbuka di padang Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru di sini, bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Bagaimanapun, polis semalam meluluskan permit perhimpunan itu dengan syarat ia diadakan di tempat tertutup.

Sementara itu, Valluvan dan pasangannya, berkata mereka berbesar hati dengan kehadiran Perdana Menteri dan menambah perkahwinan mereka adalah majlis perkahwinan pertama yang diadakan di dewan berkenaan.

(END)